

20/08/1998

Kenaikan kadar caj air bebaskan pengguna

KUALA LUMPUR, Rabu - Cadangan untuk menaikkan kadar caj air di Lembah Klang akan membebaskan orang ramai, khususnya kalangan berpendapatan rendah yang sudah sedia tertekan ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Presiden Persatuan Pendidik dan Penyelidikan untuk Pengguna (Era Konsumer), M Marimuthu, berkata kadar caj air tidak patut dinaikkan kerana air diperolehi secara percuma, cuma proses penyelenggaraannya memerlukan pembiayaan.

"Kenaikan itu jelas bercanggah dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan menaikkan cukai dalam Belanjawan Negara yang akan dibentangkan Oktober depan.

"Jika kerajaan memberi jaminan cukai tidak dinaikkan, mengapa pula caj air pula perlu meningkat?" katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan Selangor mengkaji semula cadangan itu dengan mengambil kira pelbagai faktor lain, antaranya kemampuan kalangan berpendapat rendah seperti buruh dan operator kilang.

Semalam, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata kerajaan masih mengkaji kemungkinan menaikkan kadar caj air berikutan pelaksanaan pelbagai projek besar bagi memastikan bekalan air mencukupi.

Abu Hassan berkata, cadangan itu akan dipertimbangkan sebaik saja kerajaan negeri selesai menjalankan kajian mengenai projek yang dilaksanakan.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian di sini hari ini mendapati ramai warga kota mengeluh dan tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana air adalah keperluan asas.

Pemandu, Sabran Basri, 52, mahu kerajaan lebih prihatin terhadap masalah golongan berpendapatan rendah dengan menurunkan kadar caj itu, bukannya menaikannya.

"Sudahlah harga barang keperluan harian mahal, jika caj air turut naik akan menimbulkan pelbagai masalah," katanya.

Pekerja kontrak, Diman Marzuki, 33, kerajaan tidak sepatutnya menaikkan kadar caj air berikutan keadaan ekonomi negara sekarang.

Peniaga makanan, Abdul Rahim Mohd Zain, 41, kenaikan kadar caj air itu perlu diselaraskan di seluruh negara, bukan terhad kepada pengguna di Selangor saja.

"Pengguna, terutama yang memerlukan penggunaan air yang banyak dalam kegiatan seharian pastinya terpaksa menanggung beban berikutan kenaikan itu," katanya.

(END)